

MUKA SEPULUH

DARI KACA
Prof Dr Zafir Khan
Mohamed Mahbul
Timbalan Dekan Fakulti
Ekonomi dan Pengurusan,
Universiti Kebangsaan Malaysia



Filem jenaka, santai bantu penonton redakan stres

Adakah anda pernah mendengar dialog seperti berikut, "Erjit-erjit semut, siapa sakit naik atas" atau "Kak Limah, tak tengok Akademi Fantasia ke?" Ya, kedua-duanya dipetik daripada filem *Hantu Kak Limah* yang 'merasuk' rakyat Malaysia di pawagam. *Hantu Kak Limah* antara filem berunsur komedi seram yang sudah sekian lama dimomokkan kepada pencinta filem.

Antara filem lain berkonsep sama ialah *Hantu Kak Limah Balik Rumah*, *Kak Limah*, *Husin*, *Mon* dan *Jin Pakai Toncit*, namun penanganan momok filem *Hantu Kak Limah* amat luar biasa sehingga menyentap hati dan fikiran pembikin filem lain.

Mana tidaknya, dengan hanya bermodal RM1.2 juta, ia berjaya mengutip RM9 juta selepas empat hari ditayangkan dan menjangkau RM35 juta selepas tiga minggu.

Angka kutipan pecah panggung ini amat memeranjatkan pelbagai pihak, terutama pemain industri dan pengat seni.

Industri filem negara sekarang dikatakan seperti ikan di luar air, nazak dan memerlukan bekalan oksigen akibat cabaran kemajuan dan kelajuan perkembangan teknologi komunikasi dan multimedia.

Tentu kejayaan ini memberi tamparan kepada pengeluar filem lain seperti *Busker*, *Bukan Cinta Malaikat*, *Makrifat Cinta* dan *Badang* yang membawa genre dra-

ma dan cinta 'tangkap leleh'.

Semuanya tidak pulang modal, dengan kutipan sekitar RM168,000 hingga RM140,000 sahaja selepas dua minggu tayangan.

Filem *Pulang* pula, karya epik berdasarkan kisah benar kehidupan seseorang yang digarap begitu indah secara teknikal dan estetika, sarat dengan elemen emosi dan mencabar daya intelek penonton hanya mengutip RM1 juta selepas seminggu tayangan.

Kaedah tangani stres

Apa hebatnya *Hantu Kak Limah* dan di mana pula cacatnya *Pulang*? Dari kaca mata penulis, kedua-duanya sempurna dalam kelas mereka yang tersendiri.

Bagaimanapun, realiti menyedarkan penulis bahawa penonton

filem Malaysia masa kini mahu kan sebuah cerita ringan dan santai serta tidak menuntut mereka berfikir menari logik dan makna tersirat dalam sesebuah filem.

Apa yang ingin diketengahkan oleh penulis mengenai fenomena industri filem Malaysia pada hari ini bukan untuk membandingkan mana-mana filem, pengarah dan penerbitnya.

Mereka semua bagus dan hebat belaka. Perkara pokok yang menjadi tumpuan penulis ialah kaedah menangani stres dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Setiap hari, kita semua penat memikirkan perkembangan isu semasa yang menyesakkan fikiran. Tekanan ekonomi, politik, undang-undang dan kos sara hidup yang dihadapi menuntut masyarakat mencari jalan keluar untuk meminimumkan stres.

Dalam hal ini, Mamat Khalid bijak mengambil peluang dan menyajikan *Hantu Kak Limah* yang berunsur elemen retorik, tetapi sinis tepat pada masanya.

Plotnya ringkas, menyentuh isu semasa masyarakat dan disuntik dengan elemen humor yang menyebabkan seluruh jalan cerita mengeledek penonton.

Inilah yang diingini masyarakat Malaysia dalam usaha melupakan penat lelah seharian kerana bekerja dan tekanan faktor persekitaran. Menonton *Hantu Kak Limah* dan bergelak ketawa mungkin dapat membantu mereka melupakan sejenak masalah yang dialami.

Maka tidak hairan ada dalam kalangan kita sudah menonton filem ini sehingga tujuh kali! Waktu 115 minit dalam panggung dimanfaatkan sepenuhnya bagi melupakan minda daripada hiruk-pikuk suasana kehidupan di luar panggung dan hasilnya, stres berjaya diminimumkan.

Ini sebenarnya satu daripada strategi daya tindak yang diambil

oleh masyarakat untuk meminimumkan stres mereka.

Filem redakan stres

Populariti *Hantu Kak Limah* yang melanda Malaysia mungkin juga ada kaitannya dengan dapatan Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 1996, 2006 dan 2015.

Semua dapatan kajian itu menunjukkan statistik bagi kes gangguan kesihatan mental di Malaysia sentiasa meningkat saban tahun.

Pada 1996, kajian mendapati hanya 10.7 peratus kes gangguan kesihatan mental di Malaysia. Pada 2005, ia meningkat sedikit kepada 11.2 peratus, namun peningkatan mendadak dua kali ganda berlaku pada 2015 dengan peratusan kes 29.2 peratus.

Daripada angka ini, kita tidak boleh menafikan bahawa semanginya rakyat Malaysia berdepan dengan gangguan kesihatan mental dalam pelbagai bentuk seperti kemurungan, kecelaruan personaliti dan seumpamanya.

Penemuan menarik dan terkini dalam Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan bagi 2017 menunjukkan isu stres dalam kalangan remaja di Malaysia menurun sedikit, berbanding 2012.

Bagaimanapun, isu kemurungan dan ketidakseimbangan berpunca daripada stres masih menunjukkan peningkatan.

Statistik ini sedikit sebanyak mengiyakan hipotesis penulis bahawa menonton filem seperti *Hantu Kak Limah* satu strategi daya tindak yang berupaya meredakan stres.

Menonton filem berkenaan mungkin boleh meminimumkan stres seketika, tetapi kesan positifnya tidak berpanjangan. Jadi apa yang perlu kita lakukan?

Jalan penyelesaian terbaik bagi meminimumkan stres bagi tempoh jangka panjang ialah meningkatkan keupayaan mental, emosi serta mempelajari pelbagai strategi daya tindak terhadap stres.

Ingatlah stres akan selalu ada dalam kehidupan. Apakah ertinya kehidupan tanpa stres? Tanpa stres, anda mungkin hidup seperti *Zombi Kampung Pisang*.

Stres yang terkawal dan minimum mampu menyuntik motivasi dan semangat kepada setiap individu untuk terus berdaya saing dalam apa juga diusahakannya.

Kejayaan *Hantu Kak Limah* semestinya juga mencetuskan stres kepada penerbit dan pengarah lain untuk memikirkan resipi akan datang yang mampu menggamit penonton ke panggung.

Pesan penulis kepada mereka, jangkan stres.

